

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, February 3, 2020 9:26 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kejohanan Piala Datuk Bandar MBAS Akhiri Dengan Sambutan Baik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 FEBRUARI 2020 / 9 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KEJOHANAN PIALA DATUK BANDAR MBAS AKHIRI DENGAN SAMBUTAN BAIK



UUM ONLINE: Alor Setar - Kejohanan Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) yang berlangsung selama dua hari mulai 31 Januari telah melabuhkan tirainya dengan penyertaan membanggakan.

Datuk Bandar, Dato' Mohd Zohdi Saad berkata, kira-kira 280 pemain telah menyertai kejohanan golf pada tahun ini yang dianjurkan MBAS selama dua hari bermula 31 Januari lalu di Kelab Golf dan Rekreasi UUM.

Menurutnya, beliau berterima kasih kepada semua pihak termasuk UUM yang telah bersungguh-sungguh dalam menjayakan kejohanan golf ini dan beliau berharap kejohanan itu

akan terus menjadi acara tahunan MBAS memandangkan ia mendapat sambutan dan penyertaan yang baik.

"Penganjuran kejohanan golf ini adalah merupakan satu inisiatif ke arah mengeratkan hubungan MBAS dengan agensi kerajaan, pihak swasta dan masyarakat.

"Selain itu, tahniah diucapkan kepada semua pemenang, manakala bagi tidak berjaya diharap dapat terus berusaha pada masa akan datang," katanya pada Majlis Santapan Malam dan Penyampaian Hadiah di Dewan Bankuet Jubli Emas, Royal Kedah Club, Sabtu lalu.

Sebanyak empat sesi berlangsung melibatkan kategori Open (Nett dan Gross) dan VVIP yang mana bagi Sesi 1 kategori Open disertai 52 pemain, Sesi 2 kategori Open (42), Sesi 3 kategori VVIP (99) dan Sesi 4 kategori Open seramai 78 pemain, malah UUM juga turut diwakili 14 pemain termasuk Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani.

Sementara itu, Naib Canselor berkata, beliau bangga apabila Kelab Golf dan Rekreasi UUM (KGRUUM) kini semakin dikenali dan menjadi pilihan penganjuran kejohanan golf.

"UUM memiliki lapangan golf yang cantik dan memcabar. Ia merupakan lapangan terbaik di Malaysia selepas mendapat maklum balas baik daripada pemain yang pernah bermain di sini.

"Di samping itu, kita ingin memperkenalkan padang golf UUM yang sudah lengkap 18 lubang kepada pemain yang mungkin belum pernah menonjolkan aksi mereka lagi di lapangan terbaik ini," katanya.

Juara keseluruhan bagi Kejohanan Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dimenangi Mohd Shaiful Ferdaus dari kategori Open (Gross) dengan memperolehi catatan 74.

Selain itu, pelajar Akademi Golf Nasional, Muhammad Fareez Azizan berjaya merangkul gelaran Naib Johan kategori Gross, selain pemain lain yang menempatkan diri di kedudukan ketiga, keempat, keenam, ke-9, ke-18 dan ke-19 pada kejohanan golf tersebut.

Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar MBAS merupakan satu acara yang diadakan bagi mengisi jadual sambutan sempena Ulang Tahun Pengisytiharan MBAS sebagai Majlis Bandaraya pada 2003.

Kejohanan Golf Ulang Tahun Piala Datuk Bandar MBAS ini telah berjaya dianjurkan pada tahun 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017 serta 2020 iaitu pada tahun ini yang merupakan tahun ke-7 penganjurannya sempena Ulang Tahun MBAS ke-16.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.